

**SOALAN LAZIM**  
**KEMPEN JOMPAY & WIN 2022**

1. **Soalan:**  
Apakah kempen JomPAY & Win! 2022?

**Jawapan:**

**Kempen JomPAY & Win! 2022** adalah kempen yang berkolaborasi antara PTPTN bersama Ambank (M) Bhd dan Payments Network Malaysia (PayNet), untuk membuktikan bahawa kesungguhan PTPTN dalam memastikan peminjam dapat melaksanakan bayaran balik dengan cepat, mudah dan selamat secara dalam talian, sekaligus menggalakkan lagi peminjam membuat bayaran balik pinjaman.

2. **Soalan:**  
Bilakah tempoh Kempen JomPAY & Win! 2022 ini bermula?

**Jawapan:**

Tempoh kempen ini bermula pada **01 Julai sehingga 30 September 2022**.

3. **Soalan:**  
Apakah terma dan syarat untuk menyertai Kempen ini?

**Jawapan:**

Terma dan syarat untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada semua peminjam PTPTN;
- ii. **Bayaran balik pinjaman PTPTN perlu dibuat melalui saluran JomPAY** dalam tempoh kempen;
- iii. Kelayakan cabutan adalah berdasarkan kepada **amaun bayaran balik pinjaman PTPTN** seperti berikut:

Bayaran Balik Minimum	Kelayakan Bilangan Cabutan
<b>RM 100</b>	<b>1 Cabutan</b>

- iv. **Tiada had** untuk bilangan cabutan;
- v. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangandan anak-anak).
- vi. Sekiranya berlaku kematian peminjam, akaun tersebut masih layak untuk cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat kempen.

4. **Soalan:**  
Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan penyertaan Kempen JomPAY & Win! 2022 ini?

**Jawapan:**

Tidak perlu kerana kelayakan Kempen JomPAY & Win! 2022 ini adalah automatik bagi peminjam yang layak.

5. **Soalan:**  
Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

**Jawapan:**

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah **DUA PULUH (20) HARI** selepas tamat tempoh kempen. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

6. **Soalan:**  
Jika peminjam meninggal dunia dalam tempoh kempen, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

Sekiranya berlaku kematian peminjam, akaun tersebut masih layak untuk cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat kempen.

7. **Soalan:**  
Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

**Jawapan:**

Kempen ini menawarkan **hadiah wang tunai dalam bentuk bayaran balik pinjaman PTPTN**, keseluruhan sebanyak **RM 61,000** kepada **25 orang pemenang**:-

Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama : RM25,000	1
Kedua : RM15,000	1
Ketiga : RM10,000	1
Saguhati : RM500	22
<b>Jumlah Pemenang</b>	<b>25</b>

**8. Soalan:**  
Bagaimanakah makluman kepada pemenang Kempen JomPAY & Win! 2022 akan dibuat?

**Jawapan:**  
Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).

**9. Soalan:**  
Sekiranya jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, adakah pemenang masih akan menerima baki nilai hadiah tersebut?

**Jawapan:**  
**Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi**, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam **akaun Simpan SSPN Prime** yang dibuka oleh pemenang sebagai pendeposit. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara **pre-opening**.

**10. Soalan:**  
Bilakah hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN akan dikreditkan kepada **akaun pinjaman pemenang**?

**Jawapan:**  
Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang dalam tempoh DUA (2) BULAN dari tarikh cabutan. Pemenang boleh menyemak penyata pinjaman/ simpanan di Portal Rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) atau menghubungi talian *Careline* 03- 2193 3000 untuk info lanjut.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh **Kempen JomPAY & Win! 2022***

*Maklumat dikemaskini pada 30 Jun 2022*